

NOTA CERDIK

- 1 Ayat ialah rangkaian perkataan yang diucapkan dengan sebutan yang betul serta sempurna tanda bacanya.
- 2 Ayat dimulai dengan huruf besar dan diakhiri dengan tanda noktah (.).
- 3 Setiap ayat terbina daripada tiga unsur iaitu kata, frasa, dan klausa.
- 4 Kata ialah unit yang paling kecil dalam sesuatu ayat dan tidak boleh berdiri sendiri.
- 5 Frasa pula merupakan susunan rangkai kata yang terbina daripada satu atau lebih perkataan. Fungsinya sama ada menjadi subjek atau predikat dalam ayat.
- 6 Klausa pula mengandungi subjek dan predikat tetapi belum sempurna menjadi ayat.
- 7 Binaan ayat tersusun dalam dua bahagian iaitu subjek yang terdiri daripada frasa nama dan predikat yang boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Binaan Ayat	
Subjek	Predikat
Lelaki itu	kurus.
Ayah saya	pegawai tentera.

Praktis 26 Ayat - Subjek & Predikat

Kenal pasti subjek dan predikat bagi ayat-ayat di bawah.

1 Pilihan raya diadakan untuk memilih pemimpin yang layak mentadbir.	
Subjek	
Predikat	

2 Kenaikan harga minyak menyebabkan permintaan kereta merosot.	
Subjek	
Predikat	

3 Sembilan orang mangsa dikhuatiri tertimbus dalam kejadian tanah runtuh itu.	
Subjek	
Predikat	

4 Pokok kelapa sawit tua akan ditumbang pada minggu depan.	
Subjek	
Predikat	

5 Pemain bola sepak sekolah berlabuh dari pagi hingga tengah hari.	
Subjek	
Predikat	